

REPRESENTASI FUNGSIAN PARTIKEL WACANA “LAH” DALAM TERJEMAHAN SURAH YASIN BERDASARKAN PENDEKATAN ABDUKTIF

(Functional Representation of the Discourse Particles “Lah” in the Translation of Surah Yasin: An Abductive Approach)

Mohd Sufian Ismail¹   

sufian@ipgmipoh.edu.my

Anida Sarudin²   

anida@fbk.upsi.edu.my

Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Ipoh, 31150 Hulu Kinta, Perak, Malaysia.¹

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.²

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Mohd Sufian Ismail, & Anida Sarudin. (2025). Representasi fungsian partikel wacana “lah” dalam terjemahan surah Yasin berdasarkan pendekatan abduktif. *Jurnal Bahasa*, 25(1), 99–128. [https://doi.org/10.37052/jb25\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/jb25(1)no4)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Peroleh: <i>Received:</i>	4/8/2024	Semakan: <i>Revised:</i>	15/5/2025	Terima: <i>Accepted:</i>	4/6/2025	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	26/6/2025
------------------------------	----------	-----------------------------	-----------	-----------------------------	----------	--	-----------

Abstrak

Partikel wacana yang penggunaannya bersifat tanpa disengajakan menjadi tumpuan dalam penyelidikan bahasa. Dalam bahasa Melayu, satu daripada partikel wacana yang sering menjadi fokus kajian ialah partikel wacana “lah”. Kelainan penggunaan partikel wacana “lah” dalam terjemahan al-Quran menjadi fokus dalam kajian ini. Kajian ini dilakukan untuk mendapatkan fungsian berpotensi partikel wacana “lah” dalam teks terjemahan surah Yasin. Pendekatan abduktif diaplikasikan bersama-sama dengan Prosedur Analisis ATLAS.

ti Bersistematik (PAAtiB) untuk mendapatkan fungsian berpotensi bagi penggunaan partikel wacana “lah” dalam terjemahan surah Yasin. Data kajian melibatkan 18 terjemahan surah Yasin yang terdiri daripada tiga variasi bentuk penerbitan, iaitu enam bentuk naskah al-Quran, enam bentuk digital dan enam bentuk naskah kecil bacaan harian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pola penggunaan partikel wacana “lah” yang berbeza-beza dalam terjemahan surah Yasin yang turut berpotensi digunakan sebagai indikator untuk membezakan antara terjemahan jenis primer dengan terjemahan jenis sekunder. Selain itu, fungsian berpotensi partikel wacana “lah” dalam terjemahan surah Yasin, hadir dalam bentuk ujaran Khabari, iaitu gaya *ibtida’i*. Penyusunan pola partikel wacana “lah” yang berdasarkan pendekatan abduktif menunjukkan kewujudan beberapa persamaan penggunaan partikel wacana “lah” dalam fungsi penegasan dan perintah. Namun demikian, wujud beberapa tambahan makna bagi setiap fungsi tersebut. Selain itu, partikel wacana “lah” yang sering digunakan dalam masyarakat Melayu pastinya dapat ditafsirkan dengan lebih empirikal, seterusnya mampu meningkatkan nilai penggunaan bahasa Melayu. Hasil kajian ini satu daripada sumbangan ilmu bagi memartabatkan bahasa Melayu.

Kata kunci: Partikel wacana, lah, fungsian, abduktif, ATLAS.ti, PAAtiB

Abstract

*Discourse particles, often used unintentionally, are gaining focus in linguistic research. In the Malay language, the discourse particle “lah” is frequently studied. This research investigates the variation in the use of “lah” in Malay translations of the Qur’an, specifically Surah Yasin. The study aims to identify the potential functional role of “lah” in these translations. An abductive approach was employed alongside the Systematic ATLAS.ti Analysis Procedure (PAAtiB) to determine the potential function of “lah” in the translation of Surah Yasin. Data were drawn from 18 translations of Surah Yasin, comprising six printed of Al-Quran manuscripts, six digital versions, and six pocket-sized editions for daily reading. The findings show varied patterns in the use of “lah” that can serve as indicators distinguishing between primary and secondary types of translations. Additionally, the particle “lah” predominantly appears in declarative utterances, particularly in the *ibtida’i* style. The arrangement of “lah” usage, guided by an abductive approach, reveals functional*

similarities related to emphasis and commands, with additional meaning nuances in each case. The frequent use of “lah” in Malay society highlights the need for more empirical interpretation, which in turn may enhance the linguistic value of Malay. This study contributes to the elevation of the Malay language through a deeper understanding.

Keywords: Discourse particles, lah, functional, abductive, ATLAS.ti, PAAtiB

PENDAHULUAN

Kajian partikel wacana menjadi fokus sarjana terdahulu melalui pelbagai perspektif. Bagi Schiffirin et al. (2015:190), perspektif partikel wacana dilihat berbeza-beza berdasarkan definisi dan kaedah analisis yang digunakan. Menurut Ranger (2018:23), definisi partikel wacana berbeza-beza berdasarkan pemahaman sarjana berkaitan dengan istilah wacana. Schiffirin et al. (2015:190) menyatakan bahawa terdapat tiga kaedah analisis yang biasanya digunakan bagi mengkaji partikel wacana, iaitu partikel wacana dengan wacana (Schiffirin, 1987), partikel wacana dengan pragmatik (Fraser, 1996) dan partikel wacana dengan interaksi sosial (Maschler, 2009). Namun demikian, terdapat persamaan dalam pemahaman sarjana dengan anggapan bahawa partikel wacana bersifat polifungsi. Selain itu, dapatan literatur juga menyokong bahawa partikel wacana mempunyai tafsiran berbeza-beza dan mempunyai pelbagai peranan apabila dilihat dalam konteks yang berbeza-beza (Fischer, 2006:152). Menurut Palacio dan Gustilo (2016), perbezaan fungsi partikel wacana juga berlaku antara perbualan dalam media sosial dengan genre perbualan yang lain. Jika diperhatikan dalam teks terjemahan, kekerapan penggunaan partikel wacana tertentu menunjukkan jumlah yang tinggi (Mohamad Zaka al-Farisi, 2018; Mohd Sufian Ismail et al., 2022; Mohd Sufian Ismail & Anida Sarudin, 2022). Dalam kajian yang dilakukan oleh Mohammad Fadzeli Jaafar (2015), partikel wacana hadir tanpa disedari oleh penuturnya. Penggunaan partikel wacana yang bersifat tanpa sedar selaras dengan dapatan Mohd Sufian Ismail et al. (2022), Mohd Sufian Ismail dan Anida Sarudin (2022), serta Mohd Sufian Ismail et al. (2024), iaitu penggunaan partikel wacana “lah” tidak sama dalam 18 terjemahan. Selain itu, dapatan kajian tersebut turut menunjukkan kehadiran partikel wacana “lah” dalam terjemahan yang tinggi. Oleh itu, dapatan tersebut menjadi pendorong bagi penyelidikan ini.

Di samping itu, penelitian penggunaan partikel wacana tanpa sadar berpotensi untuk meneroka interpretasi asal ujaran tanpa kesan manipulasi penutur. Berbeza daripada unsur bahasa yang digunakan secara sadar, penggunaan unsur bahasa secara sadar berpotensi dimanipulasikan untuk melindungi maksud asal ujaran. Keperluan kajian ini adalah untuk memahami makna sebenar ujaran tanpa sadar penutur. Dalam bahasa Melayu juga, walaupun fungsi entiti bahasa sememangnya ditentukan oleh masyarakat Melayu atau dalam istilah dikenali sebagai deskriptif, bahasa Melayu juga menggunakan pegangan preskriptif. Penerangan partikel “lah” yang ada dalam bahasa Melayu masih dalam perbincangan tatabahasa atau bersifat nahuan. Dalam hal ini, fungsi “lah” masih tertakluk pada pegangan preskriptif tatabahasa Melayu. Hal ini dapat diperhatikan pada penerangan penggunaan “lah” dalam tatabahasa Melayu yang menggunakan ayat binaan sendiri, bukannya ayat daripada penggunaan sebenar pertuturan. Selain itu, bidang leksikologi bahasa Melayu juga turut menggunakan kedua-dua pendekatan preskriptif dan deskriptif. Hal ini menjelaskan bahawa tidak semua fungsi entiti bahasa ditentukan oleh masyarakatnya. Selain itu, menurut Mohd Zaki Abd. Rahman et al. (2019), walaupun sistem dan struktur setiap bahasa berbeza-beza, namun asas perasaan dan isi hati yang hendak disampaikan adalah sama dalam setiap bahasa. Dalam kajian ini, persamaan inilah yang ingin disampaikan. Dapatan ini juga memberikan panduan kepada pendengar sebagai pertimbangan apabila mendengar ujaran daripada tokoh tertentu.

KAJIAN LEPAS

Kajian tentang partikel wacana “lah” telah banyak dilakukan oleh sarjana terdahulu. Antaranya termasuklah kajian oleh Ai Lin et al. (2018), Bell dan Ser (1983), Besemerer dan Wierzbicka (2003), Bhark (2016), Febryanto et al. (2018), Goddard (1994), Hei (2015), Mohammad Fadzeli Jaafar (1999, 2016), Mohd Sufian Ismail dan Anida Sarudin (2021, 2022, 2023) dan Mohd Sufian Ismail et al. (2020). Tarikan terhadap kajian partikel wacana “lah” lebih kepada persoalan fungsinya dalam penggunaan dwibahasa, fungsi dalam perbualan dan fungsinya dalam tatabahasa. Terdapat juga kajian perbandingan bahasa bagi mendapatkan makna yang tepat bagi sesuatu partikel wacana dalam bahasa lain, seperti yang dilakukan oleh Gabarró-López (2020), Maschler (1994), Pistor (2017),

Torkaman dan Mohamadi (2018) dan Norhayati Alias (2019). Kajian partikel wacana juga turut melibatkan data terjemahan, seperti yang dilakukan oleh Chaume (2004), Crible et al. (2019), Schmerse et al. (2014), Stede (2001), Vanderbauwhede dan Lamiroy (2020), serta Mohd Sufian Ismail dan Anida Sarudin (2022) yang membuktikan bahawa terdapatnya makna partikel wacana yang dikongsi bersama-sama dalam konteks tertentu. Namun demikian, tidak semua makna sesuatu partikel wacana dalam bahasa asal berkongsi makna dalam terjemahan bahasa sasaran.

Menurut Furkó (2020:144), agak mustahil untuk menemukan persamaan yang setara antara partikel wacana dalam dua bahasa yang berlainan kerana terdapat pelbagai kata yang sama, tetapi maksudnya berbeza dan berkaitan juga dengan aspek tipologi tertentu. Namun demikian, terdapat juga beberapa persamaan yang dapat dikenal pasti. Norhayati Alias (2019) dalam kajian antara bahasa Melayu dengan bahasa Sepanyol telah menunjukkan bahawa partikel wacana “*iaitu*” dan “*esto es*” mempunyai persamaan dari segi fungsi, iaitu sebagai penjelas dan penerang terhadap idea dalam ujaran sebelumnya. Menurut Ann Surina Sulaiman dan Mohd. Zaki Abd. Rahman (2015, 2017) pula, gaya bahasa pengkhususan dalam bahasa Arab turut diterjemahkan melalui penggunaan partikel wacana “lah”. Abu Hassan Abdul et al. (2020), serta Mohd Sufian Ismail dan Anida Sarudin (2022) dalam kajiannya mendapati bahawa partikel wacana “lah” turut membawa sebahagian konsep *tawkid* dalam bahasa Arab, iaitu penegas. Hal ini menunjukkan peluasan makna bagi partikel wacana “lah” dalam terjemahan. Selain itu, Mohd Sufian Ismail dan Anida Sarudin (2022), dan Mohd Sufian Ismail et al. (2024) juga mendapati bahawa partikel wacana “lah” dapat digunakan sebagai indikator untuk membezakan jenis terjemahan, sama ada terjemahan primer atau terjemahan sekunder. Bagi Mohd Sufian Ismail dan Anida Sarudin (2022) pula, *tawkid* (penegas) dapat dikategorikan kepada tiga tahap yang bergantung pada situasi pendengar, iaitu pendengar yang belum menerima maklumat dan menganggap sesuatu maklumat itu sebagai maklumat baharu, pendengar yang telah menerima maklumat dan ragu-ragu terhadap maklumat tersebut, dan akhir sekali, pendengar yang telah menerima maklumat tersebut dan membantahnya. Konsep penegas dalam bahasa Melayu tidak memperincikan perkara ini, tetapi diperincikan dalam bahasa Arab. Peluasan makna berlaku pada partikel wacana “lah” kerana konsep penegas dapat dikategorikan kepada tiga situasi pendengar.

Hoogervorst (2018), Qadrianti (2020), dan Baihaqi dan Oktaviani (2019) dalam penyelidikannya menjelaskan bahawa partikel wacana “lah” sering hadir bagi menunjukkan ujaran berbentuk perintah. Fungsi ini menarik perhatian apabila Rifa’in @ Mohd Rifain et al. (2018) menunjukkan bahawa wujud perintah yang bersifat tegas dan bersifat lembut dalam penyelidikannya yang berkaitan dengan gaya bahasa *amr* dalam surah *al-Baqarah*. Dalam hal ini, implikatur yang hadir dalam gaya bahasa *amr*, serta beberapa lagi gaya bahasa yang memerlukan penggunaan partikel wacana “lah” apabila diterjemahkan wajar diteliti. Penelitian ini wajar kerana menurut Mohamad Zaka al-Farisi (2018), partikel wacana ‘lah’ yang hadir dalam terjemahan bagi ayat *amr* dikatakan sebagai pelembut terhadap perintah. Perkara ini tidak berlaku kerana partikel wacana “lah” yang digunakan dalam terjemahan bukan menunjukkan perintah yang dilembutkan, sebaliknya perlu difahami mengikut fungsi bahasa sumber tersebut. Di samping itu, hal ini berkaitan dengan kaedah terjemahan. Dalam Nida (1964), terjemahan sesuatu makna perlu mengambil kira keutamaan makna, iaitu mengutamakan makna teks asal atau teks sumber, bukannya mengutamakan makna teks sasaran atau teks terjemahan seperti yang berlaku dalam kajian Mohamad Zaka al-Farisi (2018).

Fungsi implikatur dalam sesuatu ujaran ini sangat penting dalam bahasa terjemahan. Hal ini dikatakan demikian kerana terjemahan bukan sekadar memindahkan makna, tetapi juga memindahkan fungsinya daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Dalam hal ini, ilmu retorik bahasa Arab yang dikenali sebagai *al-balāghah* telah memperincikan perbincangan implikatur ujaran bahasa Arab dalam subdisiplin utama retorik, iaitu ilmu *al-ma’āni*.

Pernyataan Masalah

Kajian partikel wacana “lah” dengan menggunakan data terjemahan al-Quran kurang mendapat perhatian dalam kajian. Menurut Mohd Sufian Ismail dan Anida Sarudin (2023), data terjemahan yang digunakan dalam kajian yang berkaitan dengan partikel wacana “lah” masih sedikit. Selain itu, kajian tentang peluasan fungsian partikel wacana “lah” yang menyerap beberapa fungsian bahasa sumber berpotensi untuk diteroka. Hal ini berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ann Surina Sulaiman dan Mohd. Zaki Abd. Rahman (2015, 2017), Mohd Sufian Ismail et al. (2022),

dan Mohd Sufian Ismail dan Anida Sarudin (2021, 2022a, 2022b, 2023) yang menunjukkan kewujudan proses peluasan makna partikel wacana “lah” bagi membawa tugas pengkhususan. Dalam kajian tersebut, partikel wacana “lah” dikenal pasti sebagai penegas. Namun demikian, dalam proses terjemahan, partikel wacana “lah” juga digunakan untuk menterjemahkan ayat yang membawa maksud pengkhususan. Fenomena ini menunjukkan bahawa peluasan makna berlaku terhadap partikel wacana “lah”. Cadangan Anida Sarudin dan Nor Hashimah Jalaluddin (2017), iaitu memperluas kajian kata serapan yang memberikan kesan terhadap peluasan makna diperluaskan wajar diteliti dari aspek partikel wacana “lah” yang dilihat mewakili serapan makna pragmatik tertentu dalam bahasa sumber. Dalam kajian tersebut, serapan makna berlaku antara dua elemen yang sama, atau lebih tepat kata yang sama, iaitu “alim” dalam bahasa Arab dengan “alim” dalam bahasa Melayu. Namun demikian, serapan makna yang dibawa dalam kajian ini berlaku antara aspek yang berbeza-beza, iaitu gaya bahasa dalam bahasa sumber kepada partikel dalam bahasa sasaran. Perkara ini dapat dijelaskan dengan menterjemahkan ayat bahasa Melayu yang mengandungi partikel wacana “lah” kepada bahasa Arab. Dalam hal ini, partikel wacana “lah” tidak wujud dalam bahasa Arab, namun terjemahan “lah” telah diterjemahkan menggunakan elemen lain, iaitu melalui penggunaan gaya bahasa dalam bahasa Arab. Selain itu, persoalan yang ditimbulkan oleh Abu Hassan Abdul et al. (2020) yang berkaitan dengan konsep *tawkid* bahasa Melayu yang bersifat nahuan banyak dibincangkan dalam bidang tatabahasa yang tidak menggunakan ayat sebenar, iaitu ayat yang dibina untuk menunjukkan penggunaan hukum tatabahasa tertentu, perlu diteroka dalam binaan ayat sebenar, iaitu ayat yang dibina sendiri oleh penulis, yang antaranya daripada sumber terjemahan. Pernyataan ini mewajarkan analisis konsep *tawkid* yang lebih luas, iaitu melibatkan unsur penegasan dan pengkhususan terhadap data terjemahan bahasa Arab-Melayu agar pola partikel wacana “lah” yang membawa tugas *tawkid* dapat diperhatikan.


Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti fungsian berpotensi pada penggunaan partikel wacana “lah” dalam teks terjemahan bahasa Melayu berdasarkan implikatur daripada teks asal yang berbahasa

Arab. Hal ini bagi menunjukkan bahawa “Lah” telah dibebani oleh beberapa fungsian lain selain fungsi penegas yang difahami dalam penerangan tatabahasa.


METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan abduktif oleh Charles Sanders Peirce (1878) yang merupakan kaedah rumusan bagi mencari penjelasan terbaik dalam sekumpulan data (Bellucci & Pietarinen, 2023). Aspek persamaan kod (code equations) yang menjadi perkara penting dalam pendekatan abduktif membolehkan penyelidik mengintegrasikan fungsian partikel wacana “Lah” dalam terjemahan (L. Vila-Henninger et al., 2024). Pendekatan ini melibatkan tiga langkah utama. Pertama, proses ini bermula daripada pengekodan deduktif berdasarkan konsep *al-Ma’ani*. Pengekodan ini dilakukan terhadap terjemahan bahasa Melayu berdasarkan ilmu linguistik bahasa Arab, iaitu *al-Ma’ani*. Walaupun ilmu *al-Ma’ani* digunakan terhadap terjemahan bahasa Melayu, pengekodan ini dapat dilakukan kerana setiap ayat al-Quran disepakati gaya *al-Ma’aninya*. Walaupun pengekodan dilakukan terhadap terjemahan bahasa Melayu, pengekodan ini tidak berbeza sekiranya dilakukan terhadap bahasa Arab. Langkah kedua diteruskan dengan pengekodan induktif. Pengekodan induktif dilakukan secara pengekodan terbuka atau bebas, namun konsep interpretasi partikel wacana “lah” SLR Mohd Sufian Ismail dan Anida Sarudin (2023) dijadikan sebagai asas dalam pembentukan kod. Akhir sekali, analisis kejadian kod bersama dilakukan bagi membina tema abduktif, iaitu fungsian baharu untuk menerangkan data tersebut (Paavola, 2004). Proses ini memerlukan pemikiran kreatif dan analitis untuk menghasilkan fungsian yang relevan. Penilaian ini melibatkan analisis kritikal terhadap fungsian berpotensi untuk menentukan, sama ada fungsian tersebut mampu menerangkan data dengan cara yang paling logik atau tidak (Campos, 2011). Penjelasan bagi pendekatan abduktif yang digunakan ini ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Proses penjanaan tema abduktif.

Proses analisis ini, iaitu pengekodan deduktif, pengekodan induktif dan penjanaan tema abduktif, menggunakan Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistematik (PAAtiB) Mohd Sufian Ismail et al. (2024). Prosedur ini digunakan bagi menjana pengekodan yang jelas dan sistematik. Analisis ATLAS.ti Bersistematik dapat diperhatikan dalam Rajah 2.



Rajah 2 Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistematik Mohd Sufian et al. (2024).

Dengan berdasarkan Rajah 2, analisis dimulakan dengan fasa 1, iaitu membiasakan diri dengan data. Proses ini berlaku bersama-sama dengan beberapa proses lain, iaitu proses penyediaan data, justifikasi pemilihan ayat dan transkripsi data. Dalam kajian ini, proses transkripsi data tidak berlaku, sebaliknya proses ini dilakukan melalui aktiviti salin semula terjemahan yang dijadikan sebagai data. Proses salin semula ini juga membolehkan penyelidikan melalui proses membiasakan diri dengan data (Mohd Sufian et al., 2024). Pada fasa 2, penerokaan dan penjanaan kod awal dilakukan. Fasa ini melibatkan beberapa proses, iaitu proses penerokaan bahan (data terjemahan), penjanaan kod awal, iaitu kod deduktif, dan penulisan definisi kod. Menurut Frieze et al. (2018) dan Mohd Sufian et al. (2024), fasa ini memerlukan tempoh yang lama dan definisi setiap kod adalah penting bagi mengelakkan berlakunya penjanaan kod lain terhadap perkara yang sama sepanjang proses analisis dilakukan. Fasa 3 pula ialah binaan kod berstruktur. Fasa ini memerlukan setiap kod yang dijana disusun dan diteliti semula. Kod yang disusun, seterusnya disemak pada fasa 5 dan disahkan. Proses pengesahan kod dalam kajian ini menggunakan nilai krippendorff's yang dijana oleh ATLAS.ti. Dalam kajian ini juga, pengekodan deduktif dan induktif berlaku sehingga fasa 5 sahaja. Pada fasa 4, pengekodan tidak dilakukan kerana fasa ini melibatkan analisis kod kejadian bersama (code co-occurrence). Fasa 4 hanya melibatkan penjanaan tema abduktif. Seterusnya, fasa 6 ialah takrifan tema, iaitu tema abduktif ditakrifkan dalam topik perbincangan. Fasa 7 pula merupakan pelaporan kajian. Dalam kajian ini, pelaporan dilakukan terhadap seluruh proses yang melibatkan fasa 1 hingga fasa 6.

Data kajian melibatkan 18 terjemahan surah Yasin yang terdiri daripada enam al-Quran bercetak, enam al-Quran digital dan enam naskah kecil bacaan harian bercetak. Surah Yasin dipilih kerana jumlah ayat ini berpada dan mempunyai bahan yang mencukupi untuk dijadikan sebagai data kajian (Mohd Sufian et al., 2022). Jumlah ini juga dilihat berpada hasil daripada analisis berterusan yang dilakukan sehingga mewujudkan persamaan yang jelas dalam penggunaan partikel wacana "lah". Kajian sebelum ini oleh Mohd Sufian et al. (2022) yang menggunakan sembilan data terjemahan dilihat masih tidak memadai kerana wujud perbezaan pola penggunaan partikel wacana "lah" apabila data terjemahan ditambah. Pemilihan data ini dilakukan kerana menurut Idris Mansor (2019:76), kebanyakan terjemahan di Malaysia ialah terjemahan sekunder, iaitu diambil daripada terjemahan Indonesia. Pemilihan berdasarkan kategori atau bentuk penerbitan ini juga rasional kerana penggunaan partikel

wacana “lah” setiap mashaf ini berbeza-beza. Senarai terjemahan surah Yasin yang digunakan dalam kajian ini berserta syarikat penerbitannya dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Data terjemahan surah Yasin dalam kajian.

Bentuk Terbitan	Terjemahan Surah Yasin	Penerbit atau Sumber
Al-Quran Bercetak	<i>Al-Quran al-Karim dan Terjemahan al-Kamil (2021)</i>	Telaga Biru Sdn. Bhd.
	<i>Al-Quran al-Karim Mushaf al-Farid (2017)</i>	Rimbunan Islamik Media Sdn. Bhd.
	<i>Al-Quran Amazing 33 Panduan al-Quran untuk Hidup Anda (2016)</i>	Karya Bestari Sdn. Bhd.
	<i>Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan (2007)</i>	Yayasan Restu
	<i>Al-Quran Tajwid dan Terjemahan (2012)</i>	Humaira Bookstore Enterprise
	<i>Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran (30) Juz (2010)</i>	Darul Fikir
Al-Quran Digital	Al-Qur'an Digital (t.t.)	https://www.merdeka.com/quran
	Al-Quran Melayu Al-Quran Terjemahan Bahasa Melayu Lengkap 30 Juz dan 114 Surah (t.t.)	https://melayu.ayatalquran.net/2016/04/surah-yasin-terjemahan-bahasa-melayu/
	Muslim Pro (t.t.)	https://www.muslimpro.com/?landing=0
	Smart Quran (2020)	Madcat World Sdn. Bhd.
	Surah.My Terjemahan Al-Quran Bahasa Melayu (n.d.)	Serai Solutions dan Training. My
	Terjemahan al-Quran dalam Bahasa Melayu (2005)	Global Islamic Software Co, GISCO
	<i>Al-Amin (2008)</i>	Pustaka Jiwa Sdn. Bhd.
Naskhah Kecil Bacaan Harian	<i>Haji Johari Haji Alias (2020)</i>	Al-Hidayah Publication
	<i>Mohamed Arshad Ahmad (2012)</i>	Asyraff Trading Sdn. Bhd.
	<i>Surah Yasin Tahlil dan Doa Asma ul-Husna (t.t.)</i>	SA. al-Habshee Sdn. Bhd.
	<i>Yaasin, Terjemahan, Tahlil dan Doa (2008)</i>	Syarikat Jaffar Rawas Sdn. Bhd.
	<i>Yasin, Tahlil dan Doa (t.t.)</i>	PTS Edar Sdn. Bhd.

DAPATAN KAJIAN

Dengan berdasarkan analisis awal, didapati bahawa terdapat variasi pola penggunaan partikel wacana “lah” dalam 18 terjemahan surah Yasin. Pola penggunaan partikel wacana “lah” mengikut bentuk terbitan dipaparkan dalam Rajah 3, Rajah 4 dan Rajah 5.

		1 Al-Quran Al-Ka... 145	2 Al-Quran Al-K... 145	3 Al-Quran Ama... 165	4 Al-Quran mush... 145	5 Al-Quran Tajwi... 165	6 Tafsir Pimpina... 175	Totals
ayat: ayat 6	8				1		1	2
ayat: ayat 8	8						1	1
ayat: ayat 11 (1)	10	1			1		1	3
ayat: ayat 11 (2)	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 12 (1)	5		1			1		3
ayat: ayat 12 (2)	5		1	1		1		3
ayat: ayat 12 (3)	9				1		1	2
ayat: ayat 13	17	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 15 (1)	17		1		1	1	1	5
ayat: ayat 15 (2)	16	1		1	1	1	1	5
ayat: ayat 15 (3)	2							0
ayat: ayat 17	17	1		1	1	1	1	5
ayat: ayat 18	8				1		1	2
ayat: ayat 19	7						1	1
ayat: ayat 20 (1)	16	1	1	1		1	1	5
ayat: ayat 20 (2)	17	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 21	16	1		1	1	1	1	6
ayat: ayat 22	14	1		1	1	1	1	5
ayat: ayat 24	9	1			1			3
ayat: ayat 25	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 26	17	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 29	10	1			1		1	3
ayat: ayat 31	1							0
ayat: ayat 33	1							0
ayat: ayat 38	9		1	1		1		3
ayat: ayat 39	8		1	1		1		3
ayat: ayat 40 (1)	9		1	1		1		3
ayat: ayat 40 (2)	1							0
ayat: ayat 43	2							0
ayat: ayat 45	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 46	5						1	1
ayat: ayat 47 (1)	18	1	1	1	1	1		6
ayat: ayat 47 (2)	7						1	1
ayat: ayat 47 (3)	10	1			1		1	3
ayat: ayat 47 (4)	11				1		1	2
ayat: ayat 48	1							0
ayat: ayat 51	9		1	1		1		3
ayat: ayat 52 (1)	7		1	1		1		3
ayat: ayat 52 (2)	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 52 (3)	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 53	9				1		1	2
ayat: ayat 54	1							0
ayat: ayat 59	17	1	1	1		1	1	5
ayat: ayat 61 (1)	16	1	1	1		1	1	5
ayat: ayat 61 (2)	16	1	1	1		1	1	5
ayat: ayat 63	0		1	1		1		3
ayat: ayat 64	10	1	1	1		1	1	5
ayat: ayat 65 (1)	3							0
ayat: ayat 65 (2)	3							0
ayat: ayat 66	6		1	1		1		3
ayat: ayat 67	8		1	1		1		3
ayat: ayat 68	6						1	1
ayat: ayat 69 (1)	5			1		1		2
ayat: ayat 69 (2)	14	1	1	1		1	1	5
ayat: ayat 70	2							0
ayat: ayat 71	1							0
ayat: ayat 76	13	1			1		1	3
ayat: ayat 77	8						1	1
ayat: ayat 79	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 80	1		1					1
ayat: ayat 81 (1)	1							0
ayat: ayat 81 (2)	13	1	1		1		1	4
ayat: ayat 82 (1)	11				1		1	2
ayat: ayat 82 (2)	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 82 (3)	10		1	1		1		3
ayat: ayat 83 (1)	6						1	1
ayat: ayat 83 (2)	13	1			1		1	3
Totals		29	31	34	26	34	42	199

Rajah 3 Pola penggunaan partikel wacana “lah” dalam bentuk al-Quran bercetak.

MOHD SUFIAN ISMAIL DAN ANIDA SARUDIN


		7 Al quran digital... 167	8 Al Quran Mala... 184	9 Muslim Pro.docx 181	10 Smart Quran... 184	11 Surah.docx 182	12 Terjemahan A... 183	Totals
ayat: ayat 6	8		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 8	8		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 11 (1)	10		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 11 (2)	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 12 (1)	6	1						1
ayat: ayat 12 (2)	5	1						1
ayat: ayat 12 (3)	9		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 13	17	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 15 (1)	17	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 15 (2)	16	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 15 (3)	2							0
ayat: ayat 17	17	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 18	8		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 19	7		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 20 (1)	16	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 20 (2)	17	1	1		1	1	1	5
ayat: ayat 21	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 22	14	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 24	9		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 25	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 26	17	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 29	10		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 31	1							0
ayat: ayat 33	1							0
ayat: ayat 38	9	1						1
ayat: ayat 39	8	1						1
ayat: ayat 40 (1)	9	1						1
ayat: ayat 40 (2)	1							0
ayat: ayat 43	2							0
ayat: ayat 45	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 46	5		1	1	1		1	4
ayat: ayat 47 (1)	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 47 (2)	7		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 47 (3)	10		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 47 (4)	11		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 48	1							0
ayat: ayat 51	9	1						1
ayat: ayat 52 (1)	7	1						1
ayat: ayat 52 (2)	10		1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 52 (3)	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 53	9		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 54	1							0
ayat: ayat 59	17	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 61 (1)	16	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 61 (2)	16	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 63	9	1						1
ayat: ayat 64	16	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 65 (1)	3							0
ayat: ayat 65 (2)	3							0
ayat: ayat 66	8	1						1
ayat: ayat 67	8	1						1
ayat: ayat 68	6		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 69 (1)	5	1						1
ayat: ayat 69 (2)	14	1	1	1	1	1		5
ayat: ayat 70	2							0
ayat: ayat 71	1							0
ayat: ayat 76	13		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 77	8		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 79	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 80	1							0
ayat: ayat 81 (1)	1							0
ayat: ayat 81 (2)	12		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 82 (1)	11		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 82 (2)	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 82 (3)	10	1						1
ayat: ayat 83 (1)	6		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 83 (2)	13		1	1	1	1	1	5
Totals		34	42	41	42	41	41	241

Rajah 4 Pola penggunaan partikel wacana “lah” dalam bentuk al-Quran digital.

		7 Al quran digital...	8 Al Quran Mala...	9 Muslim Pro.docx	10 Smart Quran...	11 Surah.docx	12 Terjemahan A...	Totals
		187	184	181	184	182	183	
ayat: ayat 6	8		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 8	8		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 11 (1)	10		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 11 (2)	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 12 (1)	5	1						1
ayat: ayat 12 (2)	5	1						1
ayat: ayat 12 (3)	9		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 13	17	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 15 (1)	17	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 15 (2)	16	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 15 (3)	2							0
ayat: ayat 17	17	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 18	8		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 19	7		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 20 (1)	16	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 20 (2)	17	1	1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 21	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 22	14	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 24	9		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 25	16	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 26	17	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 29	10		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 31	1							0
ayat: ayat 33	1							0
ayat: ayat 38	9	1						1
ayat: ayat 39	8	1						1
ayat: ayat 40 (1)	9	1						1
ayat: ayat 40 (2)	1							0
ayat: ayat 43	2							0
ayat: ayat 45	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 46	5		1	1	1	1	1	4
ayat: ayat 47 (1)	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 47 (2)	7		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 47 (3)	10		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 47 (4)	11		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 48	1							0
ayat: ayat 51	9	1						1
ayat: ayat 52 (1)	7	1						1
ayat: ayat 52 (2)	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 52 (3)	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 53	9		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 54	1							0
ayat: ayat 59	17	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 61 (1)	16	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 61 (2)	16	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 63	9	1						1
ayat: ayat 64	16	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 65 (1)	3							0
ayat: ayat 65 (2)	3							0
ayat: ayat 66	8	1						1
ayat: ayat 67	8	1						1
ayat: ayat 68	6		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 69 (1)	5	1						1
ayat: ayat 69 (2)	14	1	1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 70	2							0
ayat: ayat 71	1							0
ayat: ayat 76	13		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 77	8		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 79	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 80	1							0
ayat: ayat 81 (1)	1							0
ayat: ayat 81 (2)	12		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 82 (1)	11		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 82 (2)	18	1	1	1	1	1	1	6
ayat: ayat 82 (3)	10	1						1
ayat: ayat 83 (1)	6		1	1	1	1	1	5
ayat: ayat 83 (2)	13	1	1	1	1	1	1	5
Totals		34	42	41	42	41	41	241

Rajah 5 Pola penggunaan partikel wacana “lah” dalam bentuk al-Quran naskah kecil.

Dengan berdasarkan Rajah 3 hingga Rajah 5, dapat diperhatikan bahawa penggunaan partikel wacana “lah” dalam terjemahan surah Yasin tidak selaras bagi 18 terjemahan surah Yasin. Namun demikian, terdapat beberapa terjemahan yang menunjukkan persamaan, iaitu yang melibatkan terjemahan berbentuk al-Quran bercetak, iaitu *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran (30) Juz* (2010) dan lima terjemahan al-Quran digital. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan beberapa penerbit untuk mengikut terjemahan sedia ada, iaitu *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran (30) Juz* (2010). Contoh persamaan pola penggunaan berlaku pada ayat 47(2) dan ditunjukkan dalam Rajah 6. Terdapat juga penggunaan partikel wacana “lah” yang berlaku lebih daripada satu dalam ayat. Fenomena ini ditandakan pada Rajah 3, Rajah 4 dan Rajah 5 dengan kod ayat 12(1), ayat 12(2) dan ayat 12(3).



Rajah 6 Penggunaan partikel wacana “lah” dalam enam terjemahan surah Yasin bagi ayat 47(2).

Dengan berdasarkan Rajah 6, dapat diperhatikan bahawa penggunaan partikel wacana “lah” pada terjemahan “berkatalah” selari bagi ketujuh-tujuh terjemahan. Tujuh senarai terjemahan yang menunjukkan persamaan pola penggunaan partikel wacana “lah” dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Tujuh terjemahan yang menunjukkan persamaan pola penggunaan partikel wacana “lah”.


Bil	Terjemahan	Penerbit	Bentuk
1.	<i>Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran (30) Juz (2010)</i>	Darul Fikir	Al-Quran Bercetak
2.	Al-Quran Melayu al-Quran Terjemahan Bahasa Melayu Lengkap 30 Juz dan 114 Surah (t.t.)	https://melayu.ayatalquran.net/2016/04/surah-yasin-terjemahan-bahasa-melayu/	Al-Quran Digital
3.	Muslim Pro (t.t.)	https://www.muslimpro.com/?landing=0	Al-Quran Digital
4.	Smart Quran (2020)	Madcat World Sdn Bhd.	Al-Quran Digital
5.	Surah.My Terjemahan al-Quran Bahasa Melayu (t.t.)	Serai Solutions dan Training.My	Al-Quran Digital
6.	Terjemahan al-Quran dalam Bahasa Melayu (2005)	Global Islamic Software Co, GISCO	Al-Quran Digital
7.	<i>Yasin Tahlil dan Doa (t.t.)</i>	PTS Edar Sdn. Bhd.	Naskhah Kecil Bacaan Harian

Analisis ini bertentangan dengan dapatan Mohd Sufian et al. (2022) yang menunjukkan bahawa persamaan pola penggunaan partikel wacana “lah” berlaku dalam terjemahan *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran (30) Juz* (2010), *Al-Quran Melayu al-Quran Terjemahan Bahasa Melayu Lengkap 30 Juz dan 114 Surah* (t.t.), *Muslim Pro* (t.t.), *Smart Quran* (2020), *Surah.My Terjemahan al-Quran Bahasa*

Melayu (t.t.) dan Terjemahan al-Quran dalam Bahasa Melayu (2005). Namun demikian, perbezaan ini berlaku kerana data kajian sebelum ini hanya melibatkan sembilan data terjemahan dan tidak mengasingkan penggunaan partikel wacana “lah” yang berulang-ulang pada satu-satu ayat. Kajian sebelum ini hanya mengekodkan satu partikel wacana “lah” pada setiap ayat walaupun ayat tersebut mengandungi lebih daripada satu partikel wacana “lah”. Namun demikian, apabila partikel wacana “lah” ini diambil kira, perbezaan yang ketara dapat dikenal pasti.

Pengekodan Deduktif

Pengekodan deduktif dalam terjemahan surah Yasin telah menghasilkan sembilan kod, iaitu kod *ingkari*, *amr hakiki*, *istifham*, *talabi*, *ibtida’i*, *qasr*, *amr balaghi*, *jumlah jawab* dan *nida*. Kod ini seterusnya dianalisis menggunakan graf terarah daya (force-directed graph) bagi menghasilkan paparan kod yang berpotensi untuk analisis seterusnya. Hasil proses pengekodan deduktif ini dapat dilihat dalam Rajah 7.




Rajah 7 Hasil analisis pengekodan deduktif menggunakan graf terarah daya pada 18 terjemahan surah Yasin.

Dengan berdasarkan Rajah 7, terdapat lima kod yang berpotensi untuk dijadikan tema dalam kajian ini, iaitu kod *Amr Balaghi*, *Amr Hakiki*, *Ibtida’i*, *Talabi*, *Inkari* dan *Qasr*. Bulatan merah jambu yang mewakili

kod partikel wacana "lah" mempunyai saiz yang paling besar. Hal ini menunjukkan bahawa frekuensi penggunaan partikel wacana "lah" adalah tinggi dalam teks kajian. Kod partikel wacana "lah" mempunyai hubungan dengan kod *ingkari*, *amr hakiki*, *istifham*, *talabi*, *ibtida'i*, *qasr*, *amr balaghi* dan *jumlah jawab*. Sebaliknya, kod *nida* tidak menunjukkan sebarang hubungan dengan partikel wacana "lah", seterusnya menjadikannya kurang berpotensi sebagai tema. Kod *istifham* dan kod *jumlah jawab* pula berada jauh daripada kod partikel wacana "lah" yang menunjukkan bahawa hubungannya berada pada tahap minimum. Selain itu, bulatan kecil pada kedua-dua kod ini menunjukkan bahawa kod tersebut kurang produktif dalam teks. Oleh itu, kod *istifham* dan kod *jumlah jawab* tidak berpotensi untuk membentuk tema.

Pengekoden Induktif

Pada fasa ini, pengekoden dilakukan terhadap 18 terjemahan surah Yasin. Namun demikian, kod literatur partikel wacana “lah” dijadikan sebagai asas bagi membatasi pengekoden yang terlalu bebas. Penjanaan kod induktif bagi tema ini juga dilakukan melalui proses pengekoden bebas (open coding) berbantuan cadangan kod (suggested code) ATLAS.ti. Hasil proses pengekoden induktif ini ditunjukkan dalam Rajah 8.




Rajah 8 Hasil proses pengekoden induktif terhadap 18 terjemahan surah Yasin.

Dengan berdasarkan Rajah 8, tema “berhujah” merupakan tema yang paling banyak dikodkan bersama-sama kejadian partikel wacana “lah”. Hal ini digambarkan melalui bulatan coklat yang paling besar dan jarak yang paling dekat dengan bulatan kelabu yang mewakili partikel wacana “lah”. Tema yang menunjukkan frekuensi sederhana pula ialah tema “intensional” (hijau), “komunikasi” (unggu) dan “struktur maklumat” (merah). Tema “konflik” (hitam) dan tema “kesantunan” (biru) digambarkan dengan jarak yang jauh dan bulatan yang kecil, iaitu mewakili kekerapan kedua-dua kod ini yang dikodkan pada ayat yang sama bagi menunjukkan frekuensinya yang sedikit. Akhir sekali, tema “empati” (jingga) merupakan tema yang paling jauh dan paling kecil, iaitu menandakan frekuensi yang paling sedikit. Dalam kajian ini, tema “empati” digugurkan daripada tema utama induktif untuk proses analisis seterusnya. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis terhadap kod ini dilihat tidak produktif apabila frekuensinya yang sangat sedikit dalam data.

Pengesahan Tema Induktif

Tema Induktif yang merupakan kod bebas memerlukan proses pengesahan bagi membolehkan proses analisis seterusnya diteruskan. Analisis pengesahan tema ini dilakukan menggunakan ATLAS.ti melalui alat analisis Persetujuan antara Pengekod (Intercoder Agreement). Namun demikian, pengesahan ini tidak dilakukan secara janaan terus daripada ATLAS.ti, sebaliknya melibatkan pakar dalam bidang bahasa Melayu yang turut menggunakan ATLAS.ti untuk mengesahkan tema yang dijana. Nilai krippendorff’s diaplikasikan dalam analisis pengesahan tema ini. Hasil analisis pengesahan tema yang dijana oleh ATLAS.ti ini ditunjukkan dalam Rajah 9.

Dengan berdasarkan Rajah 9, paparan ATLAS.ti menunjukkan kiraan untuk nilai pengesahan krippendorff’s. Analisis Persetujuan antara Pengekod (intercoder agreement) yang dilakukan terhadap tema induktif menunjukkan nilai krippendorff’s 0.878. Nilai ini merupakan nilai optimum untuk menunjukkan bahawa tema yang dijana dipersetujui oleh pakar. Hasil daripada pengesahan ini, 22 tema induktif yang dijana dikekalkan dalam analisis pada peringkat ini. Peringkat analisis seterusnya dalam pendekatan abduktif diteruskan dengan penjanaan tema abduktif berdasarkan analisis deduktif dan analisis induktif yang telah dilakukan. Namun demikian, dalam kajian ini, hanya satu tema abduktif dijana bagi menunjukkan fungsian berpotensi yang dijana berdasarkan pendekatan abduktif. Jumlah ini dilihat berpada dengan penulisan kajian ini.



Rajah 9 Hasil analisis pengesahan tema proses pengkodan induktif terhadap 18 terjemahan surah Yasin yang dijana oleh ATLAS.ti.

Penjanaan Tema Abduktif

Fasa penjanaan tema abduktif melibatkan penyempitan data, iaitu pembentukan tema yang tidak melibatkan analisis pada tahap segmen petikan, sebaliknya tema dibangunkan melalui pemerhatian kejadian bersama yang terdapat dalam tema deduktif dan tema induktif. Kejadian

bersama yang berpotensi dan menarik diangkat untuk membentuk tema abduktif. Dalam proses untuk mendapatkan kejadian bersama yang berpotensi ini, alat analisis ATLAS.ti digunakan dengan kod kejadian bersama (code co-occurrence). Hasil analisis kod kejadian bersama bagi tema deduktif dan tema induktif dipaparkan dalam Rajah 10.

	● Insha'i: amr balaghi ⊕ 8	● Insha'i: amr hakiki ⊕ 6	● Khabari: ibtida' ⊕ 19	● Khabari: Inqian ⊕ 4	● Khabari: Qasr ⊕ 9	● Khabari: Talabi ⊕ 7
● berfujah: elemen fokus	⊕ 7		1 (0.08)	4 (0.18)		1 (0.08)
● berfujah: mengeraskan	⊕ 2		1 (0.05)			1 (0.12)
● berfujah: penegas (assertive)	⊕ 11	1 (0.06)	2 (0.13)	4 (0.36)	3 (0.18)	1 (0.06)
● berfujah: penekanan	⊕ 2				2 (0.22)	
● berfujah: Pengesahan (affirmative)	⊕ 12	2 (0.11)	2 (0.12)	3 (0.11)	1 (0.07)	4 (0.24)
● berfujah: perundingan	⊕ 9	4 (0.31)	2 (0.15)		1 (0.08)	1 (0.07)
● empati: rasa kecewa	⊕ 1		1 (0.05)			
● intensional: sebenar	⊕ 11		4 (0.15)	3 (0.25)	2 (0.11)	2 (0.12)
● kesantunan: kata-kata yang menenangkan keadaan	⊕ 4	1 (0.09)	1 (0.11)		1 (0.08)	1 (0.10)
● kesantunan: menghormati	⊕ 1		1 (0.17)			
● komunikatif: bukan penekanan	⊕ 1					1 (0.14)
● komunikatif: penghinaan	⊕ 20	2 (0.08)	2 (0.08)	7 (0.22)	3 (0.12)	5 (0.23)
● konflik: kemarahan	⊕ 3		1 (0.12)	1 (0.05)		1 (0.11)
● konflik: kesempurnaan	⊕ 1	1 (0.12)				
● konflik: penolakan	⊕ 3				3 (0.33)	
● konflik: panyingkiran	⊕ 1		1 (0.05)			
● struktur maklumat: inchoative	⊕ 7		5 (0.24)			2 (0.17)
● struktur maklumat: maklumat	⊕ 18		17 (0.85)			1 (0.04)
● struktur maklumat: masa lalu	⊕ 2		1 (0.05)	1 (0.20)		
● struktur maklumat: penyenaaraan	⊕ 1		1 (0.06)			

Rajah 10 Hasil analisis kod kejadian bersama bagi tema deduktif dan tema induktif.

Rajah 10 menunjukkan persilangan yang berlaku antara kod deduktif dengan kod induktif. Makin gelap warna pada paparan jadual, makin kerap kod kejadian bersama itu berlaku dan makin tinggi nilai koefisien. Namun demikian, dalam ATLAS.ti, nilai koefisien ini dikira berdasarkan jumlah semua kod yang ada dalam jadual. Oleh hal yang demikian, hanya tema yang berpotensi dijana untuk analisis seterusnya, bagi memperoleh nilai koefisien yang tepat. Dengan berdasarkan analisis kod kejadian bersama pada Rajah 10 yang dilakukan terhadap tema deduktif dan tema induktif, hanya 20 tema induktif yang menunjukkan kejadian bersama dengan tema deduktif. Walau bagaimanapun, kejadian bersama dengan nilai koefisien tertinggi dalam analisis ini hanya berlaku antara tema “maklumat” dengan tema “*ibtida'i*”, iaitu 0.85. Kepekatan warna yang terang pada kejadian bersama tema lain menunjukkan bahawa kejadian tersebut tidak menunjukkan nilai berpotensi sebagai tema yang menarik. Dalam kajian ini, analisis *co-occurrence* dilakukan semula dengan menggunakan tema induktif yang mempunyai nilai koefisien tinggi sahaja. Analisis *co-occurrence* bagi tema induktif utama dan tema deduktif ditunjukkan dalam Rajah 11.

		 8	 5	 18	 4	 9	 7
 62	 8	5 (0.08)	3 (0.05)	8 (0.11)	4 (0.06)	7 (0.11)	4 (0.06)
 12	 12			1 (0.03)			
 27	 27			4 (0.10)	3 (0.11)	2 (0.06)	2 (0.06)
 21	 21	1 (0.04)	1 (0.04)			1 (0.03)	1 (0.04)
 38	 38	2 (0.05)	2 (0.05)	6 (0.12)		3 (0.07)	5 (0.12)
 17	 17	1 (0.04)	1 (0.05)	1 (0.03)		3 (0.13)	1 (0.04)
 30	 30			17 (0.58)	1 (0.03)		2 (0.06)

Rajah 11 Analisis kod kejadian bersama bagi tema induktif utama dengan tema deduktif.

Dengan berdasarkan Rajah 11, kejadian bersama antara tema “struktur maklumat” dan tema “*ibtida’i*” menunjukkan warna yang pekat, serta nilai koefisien yang tinggi, iaitu 0.58. Kepekatan warna dan nilai ini mencukupi untuk menunjukkan bahawa kejadian bersama antara kedua-dua tema ini menarik untuk diperhatikan. Sebaliknya, kejadian bersama antara tema lain tidak menunjukkan warna atau nilai koefisien yang tinggi. Walau bagaimanapun, indikator simbol bulatan kuning menandakan kejadian bersama yang berlaku patut diberikan perhatian. Antara tema yang terlibat dalam kejadian bersama ini termasuklah “*amr balaghi*” dengan “berhujah”, “*amr hakiki*” dengan “berhujah”, “*ingkari*” dengan “berhujah”, “*qasr*” dengan “berhujah”, “*talabi*” dengan “berhujah”, “*amr hakiki*” dengan “komunikatif”, “*ingkari*” dengan “intensional”, “*ingkari*” dengan “struktur maklumat”, dan “*talabi*” dengan “komunikatif”. Kejadian bersama yang memenuhi indikator kewajaran ini dianalisis dengan lebih lanjut untuk membentuk tema abduktif.

Dalam proses pembentukan tema abduktif ini, definisi setiap tema deduktif dan tema induktif dianalisis untuk mendapatkan pemahaman yang jelas. Definisi tema yang digunakan dalam penamaan tema abduktif berdasarkan kejadian bersama antara tema “maklumat” dengan tema “*ibtida’i*” ditunjukkan dalam Jadual 3.

Dalam Jadual 3, proses penjanaan tema yang mewakili konsep tema deduktif (*ibtida’i*) dan tema induktif (maklumat) menghasilkan tema abduktif “maklumat baharu”. Definisi tema ini diperoleh dengan merujuk definisi asal tema deduktif dan tema induktif yang melibatkan situasi apabila penutur tidak menggunakan kata penegas dan pendengar belum mengetahui maklumat tersebut. Definisi tema abduktif ini juga merujuk tema induktif, iaitu penutur tidak menggunakan kata penegas dan beranggapan bahawa pendengar tidak mempunyai pengetahuan tentang maklumat yang akan dibincangkan. Selain itu, ayat yang digunakan bertujuan untuk memulakan perbincangan atau topik baharu tanpa konteks sebelumnya.

Jadual 3 Penjanaan tema abduktif “maklumat baharu”.

Tema Deduktif dan Tema Induktif	Definisi Tema Induktif dan Tema Deduktif	Tema Abduktif	Definisi Tema Abduktif
Maklumat (Induktif)	Menyampaikan maklumat dalam ayat deklaratif		
<i>Ibtida'i</i> (Deduktif)	Penutur tidak menggunakan kata penegas. Penutur berpandangan bahawa pendengar belum mengetahui maklumat yang akan disampaikan. Ayat yang digunakan untuk memulakan sesuatu perbincangan atau topik baharu tanpa konteks sebelumnya.	Maklumat Baharu	Maklumat dalam bentuk maklumat baharu yang disampaikan tanpa unsur penegasan apabila berhadapan dengan pendengar yang belum mengetahui maklumat yang disampaikan.

PERBINCANGAN

Kajian ini memfokuskan pola penggunaan partikel wacana "lah" dalam terjemahan surah Yasin berdasarkan pendekatan ilmu *al-ma'āni*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa partikel "lah" hadir dalam dua bentuk utama, iaitu ujaran khabari (gaya *ibtida'i*, *talabi*, *ingkari* dan *qasr*) dan ujaran insha'i (gaya *amr*). Analisis menunjukkan bahawa penggunaan partikel "lah" tidak selaras dalam 18 terjemahan yang dikaji, namun terdapat persamaan dalam pola penggunaan dalam beberapa terjemahan, terutamanya dalam bentuk al-Quran digital. Dapatan ini juga menunjukkan perbezaan daripada dapatan Mohd Sufian Ismail et al. (2022) yang menunjukkan bahawa pola partikel wacana “lah” dalam terjemahan surah Yasin mempunyai persamaan dalam terjemahan *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran (30) Juz* (2010), *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan* (2007), *Al-Quran al-Karim dan Terjemahan al-Kamil* (2021) dan Smart Quran. Namun begitu, ruang lingkup kajian terdahulu yang terbatas pada sembilan data terjemahan dan tidak melibatkan perincian penggunaan partikel wacana “lah” yang lebih daripada satu pada

sesetengah ayat merupakan faktor utama perbezaan dapatan ini. Dapatan ini juga berpotensi untuk menjelaskan bahawa terdapat terjemahan primer dan terjemahan sekunder yang dilakukan terhadap terjemahan surah Yasin. Hal ini, selaras dengan dapatan Mohd Sufian Ismail et al. (2022), Mohd Sufian Ismail dan Anida Sarudin (2022) dan Idris Mansor (2019), iaitu kebanyakan teks terjemahan al-Quran di Malaysia telah dialih bahasa dan disemak daripada terjemahan sedia ada dalam bahasa Indonesia. Penemuan ini memperlihatkan bahawa partikel "lah" berperanan penting dalam aspek membezakan jenis terjemahan, menegaskan dan memerintah, namun dengan variasi fungsian tambahan yang bergantung pada konteks terjemahan.

Secara lebih lanjut, kajian ini mengaplikasikan pendekatan abduktif yang menggabungkan pengekodan deduktif dan induktif untuk mengenal pasti tema abduktif yang relevan. Proses analisis yang melibatkan Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistematik Mohd Sufian Ismail et al. (2024) menghasilkan tema yang menunjukkan kejadian bersama antara kod deduktif dengan kod induktif. Tema "maklumat baharu" yang dihasilkan mencerminkan pengetahuan baharu yang disampaikan tanpa unsur penegasan, sesuai dengan konsep *ibtida'i* dalam ilmu *al-ma'āni*. Kajian ini menekankan kepentingan untuk memahami fungsi pragmatik partikel wacana "lah" dalam terjemahan bagi memastikan terjemahan yang dihasilkan lebih tepat dan berkesan. Menurut Maslida Yusof et al. (2022), perkara yang sama turut ditegaskan, iaitu kepentingan pengadaptasian fungsi pragmatik bagi menilai penggunaan bahasa.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini berjaya mengungkapkan kepelbagaian fungsi partikel wacana "lah" dalam terjemahan surah Yasin berdasarkan ilmu *al-ma'āni* dengan menonjolkan peranannya dalam ujaran *khhabari* dan *insha'i*. Dalam kajian ini juga, penterjemah didapati tidak sepakat dalam penggunaan partikel wacana "lah". Hal ini sejajar dengan ciri partikel "lah" yang bersifat tidak disengajakan pada penggunaannya. Sifat partikel ini, iaitu "penggunaannya tidak disengajakan" membuktikan bahawa perbezaan penterjemahan al-Quran dari aspek penggunaan partikel wacana "lah" bukan berlaku disebabkan oleh kesilapan penterjemah. Akhir sekali, dapatan ini diharap dapat menyumbang kepada literatur tentang proses penelitian fungsi dan makna sesuatu entiti bahasa Melayu yang bukan hanya berlaku secara preskriptif, sebaliknya berlandaskan ilmu linguistik yang digunakan untuk memahami al-Quran, iaitu ilmu *balaghah*. Dengan

pendekatan abduktif yang menggabungkan analisis deduktif dan analisis induktif melalui perisian ATLAS.ti, kajian ini berjaya mengenal pasti tema yang memperkaya pemahaman tentang penggunaan partikel wacana "lah" dalam konteks terjemahan al-Quran. Analisis ini juga turut menyingkap keajaiban bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran yang memotivasikan percambahan fungsi dan makna baharu kepada bahasa sasaran yang terlibat dalam terjemahan ayatnya. Penemuan ini juga menekankan kepentingan analisis sistematik bagi memastikan ketepatan dan kejelasan terjemahan, sekali gus memperkukuh nilai empirikal bahasa Melayu. Kajian ini tidak hanya memberikan sumbangan signifikan terhadap bidang linguistik terjemahan, tetapi juga memartabatkan bahasa Melayu sebagai medium yang tepat dan berkesan dalam penyampaian makna teks agama.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Ipoh atas sokongan yang diberikan sepanjang proses penyelidikan ini dilaksanakan.

SUMBANGAN PENGARANG

Mohd Sufian Ismail: Pengarang bertanggungjawab dalam penulisan reka bentuk kajian, interpretasi data, penyediaan makalah akhir dan penghantaran makalah akhir; Anida Sarudin: Pengarang bertanggungjawab dalam proses semakan dan pengesahan data sepanjang penulisan ini dilakukan.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang koresponden (Mohd Sufian Ismail) atas permintaan.

PENGISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abu Hassan Abdul, Wahibah Twahir, & Muhammad Hakim Kamal. (2020). Retorik mubalaghah dalam taukid kiasan bahasa Melayu. Dalam Zuraifah Zaini, Farah Nur Rashida Rosnan & Sari Yahya (Penyunting). *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Ke-5 (PASAK5 2020)* (hlm. 69–82). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). <http://conference.kuis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak5/ID019.pdf>
- Ai Lin, D. T., Bee Choo, L., Kasuma, S. A. A., & Ganapathy, M. (2018). Like that Lah: Malaysian undergraduates' attitudes towards localised English. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(2), 80–92. <https://doi.org/10.17576/gema-2018-1802-06>
- Al-Amin. (2008). Surah Yasin dan tahlil. Pustaka Jiwa Sdn. Bhd.
- Al-Qur'an digital. (t.t.). Dicapai pada 9 Jun 2022 daripada <https://www.merdeka.com/quran>
- Al-Quran al-Karim dan terjemahan al-Kamil*. (2021). Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Al-Quran al-Karim Mushaf al-Farid*. (2017). Rimbunan Islamik Media Sdn. Bhd.
- Al-Quran amazing 33 panduan al-Quran untuk hidup anda*. (2016). Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Al-Quran Melayu al-Quran Terjemahan Bahasa Melayu Lengkap 30 Juz dan 114 Surah. (t.t.). Dicapai pada 9 Jun 2022 daripada <https://melayu.ayatalquran.net/2016/04/surah-yasin-terjemahan-bahasa-melayu/>
- Al-Quran Mushaf Malaysia dan terjemahan*. (2007). Yayasan Restu.
- Al-Quran tajwid dan terjemahan*. (2012). Humaira Bookstore Enterprise.
- Anida Sarudin, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2017). *Analisis semantik kognitif kata serapan Arab-Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ann Surina Sulaiman, & Mohd Zaki Abd Rahman. (2015). Penterjemahan gaya bahasa pengkhususan dalam ayat-ayat al-Qur'an al-Karim. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 2, 1–13. http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/49381/01_AnnSurina.pdf
- Ann Surina Sulaiman, & Mohd Zaki Abd Rahman. (2017). Analisis penggunaan pengkhususan dalam bahasa Melayu mengikut perspektif gaya bahasa Arab. *Asia Pacific Online Journal of Arabic Studies*, 2(1), 1–15. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/APOJAS/article/view/8368>
- Baihaqi, A., & Oktaviani, N. (2019). The translation of English notice into Indonesian language. *Journal of English Language Teaching and Cultural Studies*, 2(2), 128–138. <https://doi.org/10.48181/jelts.v2i2.9101>
- Bell, R. T., & Ser, L. P. Q. (1983). 'To-day la?' 'Tomorrow lah!'; the LA particle in Singapore English. *RELC Journal*, 14(2), 1–18. <https://doi.org/10.1177/003368828301400201>
- Bellucci, F., & Pietarinen, A.-V. (2023). Peirce's abduction. Dalam L. Magnani, (Penyunting). *Handbook of abductive cognition* (hlm. 7–20). Springer International Publishing. https://doi.org/10.1007/978-3-031-10135-9_7

- Besemeres, M., & Wierzbicka, A. (2003). The meaning of the particle lah in Singapore English. *Pragmatics and Cognition*, 11(1), 3–38. <https://doi.org/10.1075/pc.11.1.03bes>
- Bhark, G. (2016). A study on Singaporean’s discourse markers: The case of hor, meh, lah. *The Sociolinguistic Journal of Korea*, 24(1), 115–147. <https://doi.org/10.14353/sjk.2016.24.1.05>
- Campos, D. G. (2011). On the distinction between Peirce’s abduction and Lipton’s inference to the best explanation. *Synthese*, 180(3), 419–442. <https://doi.org/10.1007/s11229-009-9709-3>
- Chaume, F. (2004). Discourse markers in audiovisual translating. *Meta*, 49(4), 843–855. <https://doi.org/10.7202/009785ar>
- Crible, L., Abuczki, Á., Burškaitienė, N., Furkó, P., Nedoluzhko, A., Rackevičienė, S., Oleškevičienė, G. V., & Zikánová, Š. (2019). Functions and translations of discourse markers in TED Talks: A parallel corpus study of underspecification in five languages. *Journal of Pragmatics*, 142, 139–155. <https://doi.org/10.1016/j.pragma.2019.01.012>
- Febryanto, R., Suastra, I. M., & Tri Ediwan, I. N. (2018). The use of Singlish discourse particle ‘Lah’ in Sgag’s videos. *Humanis*, 22, 1104. <https://doi.org/10.24843/jh.2018.v22.i04.p37>
- Fischer, K. (2006). Approaches to discourse particles. *Pragmatics*. Elsevier Ltd.
- Fraser, B. (1996). Pragmatic markers. *Pragmatics*, 6(2), 167–190. <https://doi.org/10.1075/prag.6.2.03fra>
- Friese, S., Soratto, J., & Pires, D. (2018). *Carrying out a computer-aided thematic content analysis with ATLAS.ti* (MMG Working Paper No. 18-02), Max Planck Institute for the Study of Religious and Ethnic Diversity.
- Furkó, P. B. (2020). *Discourse markers and beyond*. Springer International Publishing. <https://doi.org/10.1007/978-3-030-37763-2>
- Gabarró-López, S. (2020). Are discourse markers related to age and educational background? A comparative account between two sign languages. *Journal of Pragmatics*, 156, 68–82. <https://doi.org/10.1016/j.pragma.2018.12.019>
- Goddard, C. (1994). The meaning of lah: Understanding “emphasis” in Malay (Bahasa Melayu). *Oceanic Linguistics*, 33(1), 145–165. <https://doi.org/DOI:10.2307/3623004>
- Haji Johari Haji Alias. (2020). *Surah Yasin, terjemahan dan doa*. Al-Hidayah Publication.
- Hei, K. C. (2015). The Implications of lah, ah, and hah as used by some speakers in Malaysia. *Journal of Modern Languages*, 14(1), 133–151. <https://jml.um.edu.my/index.php/JML/article/view/3801>
- Hoogervorst, T. G. (2018). Utterance-final particles in Klang Valley Malay. *Wacana*, 19(2), 291–326. <https://doi.org/10.17510/wacana.v19i2.704>
- Idris Mansor. (2019). Terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu. Dalam Idris Mansor (Penyunting), *Isu-isu dalam terjemahan Arab-Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Maschler, Y. (1994). Metalanguaging and discourse markers in bilingual conversation. *Language in Society*, 23(3), 325–366. <https://doi.org/10.1017/S0047404500018017>
- Maschler, Y. (2009). *Metalanguage in interaction: Hebrew discourse markers*, Dalam Pragmatics and Beyond New Series (Jil. 181). John Benjamins Publishing Company. <https://doi.org/10.1075/pbns.181>
- Maslida Yusof, Rusmadi Baharudin, Salinah Ja'afar, & Karim Harun. (2022). The speech acts of thanking: Pragmatic strategies used among Malay generation Z. *Jurnal Bahasa*, 22(22), 1–28. [https://doi.org/10.37052/jb22\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/jb22(1)no1)
- Mohamad Zaka A-Farisi. (2018). The Impact of techniques and translation ideology on the clarity of pragmatic meanings translation of the Qur'anic imperative verses. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 7(3), 676–686. <https://doi.org/10.17509/ijal.v7i3.9818>
- Mohamed Arshad Ahmad. (2012). Yasin dan tahlil berserta doa Yasin, doa tahlil, doa selamat, doa nisfu Syaaban, doa awal tahun dan doa akhir tahun dan surah al-Waqiah dan surah al-Mulk. Asyraff Trading Sdn. Bhd.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (1999). Emblematic codeswitching represented in fiction: The case of the Malay discourse markers lah, what, ah. *Journal of Modern Languages*, 12(1), 41–58. <https://jml.um.edu.my/article/view/3534>
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2015). Gaya peralihan kod dalam kesusasteraan multilingual di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 3(3), 49–57. <https://doi.org/10.17576/iman-2015-0303-05>
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2016). Simbol peralihan kod dalam fiksyen: Kes penanda wacana bahasa Melayu -lah, what dan ah. Dalam Mohammad Fadzeli Jaafar & Intan Safinaz Zainudin (Penyunting), *Linguistik Terapan dalam Penyelidikan Bahasa* (hlm. 108–125). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sufian Ismail, & Anida Sarudin. (2021). Interpretasi partikel wacana lah dalam wawancara politik. Dalam Mashetoh Abd Mutalibet (Penyunting). *Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu* (Rentas 2021), (Jil.1, Isu 8, hlm. 79–91) <https://rentas2021.wixsite.com/home/prosiding>
- Mohd Sufian Ismail, & Anida Sarudin. (2022). Keunikan partikel 'lah' dalam terjemahan surah Yasin di Malaysia. *E-Proceedings Technology, Science, Social Sciences and Humanities International Conference Tesshi 2022*, 238–245.
- Mohd Sufian Ismail, & Anida Sarudin. (2023). Sorotan literatur bersistematik: Interpretasi partikel wacana “lah” dalam ujaran masyarakat Malaysia. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 23(1), 261–290. <https://doi.org/10.17576/gema-2023-2301-14>
- Mohd Sufian Ismail, Anida Sarudin, & Azman Che Mat. (2022). Interpretasi partikel wacana 'lah' berdasarkan ilmu Balaghah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(1), 865–878. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i1.290>

- Mohd Sufian Ismail, Anida Sarudin, & Mohd Hafiz Mohamad Tarmizi. (2024). Prosedur analisis ATLAS.ti bersistematik: Pembinaan kata kunci utama soalan karangan bahasa Melayu SPM. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 32(1), 37–68. <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.1.03>
- Mohd Sufian Ismail, Anida Sarudin, Azman Che Mat, & Fitri Nurul'ain Nordin. (2022). Keunikan partikel 'lah' dalam terjemahan surah Yasin di Malaysia. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 6(4), 13–27. <https://doi.org/10.33306/mjssh/210>
- Mohd Sufian Ismail, Anida Sarudin, Shamsudin Abu Bakar, Mubin Mohd Nor, Mohd Fahrur Rozi Ismail, & Mohd Faizul Hafiz A. Razak. (2024). Representasi partikel wacana "lah" dalam terjemahan surah Yasin di Malaysia. Dalam Ros Aiza Mohd Mokhtar, Farah Laili Muda @ Ismail, Latifah Abdul Latiff, & Nuruliza Roslan (Penyunting), *Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami kali ke-7 (i-STET) 2024* (hlm. 150–159). Universiti Sains Islam Malaysia. <https://oarep.usim.edu.my/handle/123456789/24678>
- Mohd Sufian Ismail, Anida Sarudin, Zulkifli Osman, Husna Faredza Mohamed Redzwan, & Wan Mazlini Othman. (2020). Distribution of discourse markers elements or discourse particle as an entity relationship in discourse. *Palarch's Journal Of Archaeology Of Egypt/Egyptology*, 17(6), 12234–12251. <https://archives.palarch.nl/index.php/jae/article/view/3062>
- Mohd Zaki Abd. Rahman, Mohamad Hussin, & Che Radiah Mezah. (2019). *Pengantar balaghah bahasa Melayu berpandukan balaghah Arab*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Muslim Pro (12.9.9). (t.t.). Dicapai pada 9 Jun 2022 daripada <https://www.muslimpro.com/?landing=0>
- Nik Safiah Karim, Farid Mohd Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhayati Alias. (2019). Analisis perbandingan penanda wacana pernyataan semula bahasa Melayu iaitu dan bahasa Sepanyol Esto es. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 19(4), 363–378. <https://doi.org/10.17576/gema-2019-1904-19>
- Paavola, S. (2004). Abduction as a logic and methodology of discovery: The importance of strategies. *Foundations of Science*, 9(3), 267–283. <https://doi.org/10.1023/B:FODA.0000042843.48932.25>
- Palacio, M. A., & Gustilo, L. (2016). A pragmatic analysis of discourse particles in Filipino computer mediated communication. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 16(3) 1–19.
- Peirce, C. S. (1878). Deduction, induction and hypothesis. *Popular Science Monthly*, 13, 470–482.
- Pistor, T. (2017). Prosodic universals in discourse particles. *Zeitschrift Fur Dialektologie Und Linguistik*, 84(1), 46–76. <https://doi.org/10.21437/speechprosody.2016-178>

- Qadrianti, L. (2020). Imperative pragmatic language study in dakwah content video on Youtube. *Journal of Literate English Education Study Program*, 1(02), 33–40. <https://doi.org/10.47435/jle.v1i2.513>
- Ranger, G. (2018). *Discourse markers: An enunciative approach*. Springer International Publishing. <https://doi.org/10.1007/978-3-319-70905-5>
- Rifa'in @ Mohd Rifain, S., Pa, M. T., & Samah, R. (2018). Gaya bahasa *amr* bagi konteks haji dalam surah al-Baqarah. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 18(2), 235–254. <https://doi.org/10.17576/gema-2018-1802-16>
- Schiffrin, D. (1987). *Discourse markers*. Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511611841>
- Schiffrin, D., Tannen, D., & Hamilton, H. E. (2015). The handbook of discourse analysis. Dalam D. Tannen, H. E. Hamilton, & D. Schiffrin (Penyunting), *The student's writing guide for the arts and social sciences: Vol. I*. John Wiley & Sons, Inc. <https://doi.org/10.1002/9781118584194>
- Schmerse, D., Lieven, E., & Tomasello, M. (2014). Discourse particles and belief reasoning: The case of German *doch*. *Journal of Semantics*, 31(1), 115–133. <https://doi.org/10.1093/jos/fft001>
- Shamsul Aizuwani Nawi. (2021). *Perkamusan, peristilahan dan penterjemahan bahasa Melayu*. Institut Pendidikan Guru Malaysia Bahasa Melayu.
- Smart Quran. (2020). Madcat World Sdn Bhd.
- Stede, M. (2001). Discourse particles and discourse functions. *Machine Translation*, 15(1), 125–147. <https://doi.org/10.1023/A:1011112031877>
- Surah Yasin, *tahlil dan doa Asma ul-Husna*. (t.t.). SA. Al-Habshee Sdn. Bhd.
- Surah.My Terjemahan al-Quran Bahasa Melayu. (t.t.). Serai solutions dan Training.My. Dicapai pada 9 Jun 2022 daripada <https://www.surah.my/Tafsir>
- Pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran (30) Juz. (2010). Darul Fikir.
- Terjemahan al-Quran dalam Bahasa Melayu. (2005). Global Islamic Software Co, GISCO. <https://www.iium.edu.my/deed/quran/malay/>
- Torkaman, A., & Mohamadi, Z. (2018). The effect of input enhancement and elaboration techniques on learning discourse markers: A gender role study. *Southern African Linguistics and Applied Language Studies*, 36(4), 261–275. <https://doi.org/10.2989/16073614.2018.1547981>
- Vanderbauwhede, G., & Lamiroy, B. (2020). On two French discourse markers and their Dutch equivalents: D'ailleurs and par ailleurs. *Journal of Pragmatics*, 156, 168–175. <https://doi.org/10.1016/j.pragma.2019.06.006>
- Vila-Henninger, L., Dupuy, C., Van Ingelgom, V., Caprioli, M., Teuber, F., Penneireau, D., Bussi, M., & Le Gall, C. (2024). Abductive coding: Theory building and qualitative (Re)analysis. *Sociological Methods & Research*, 53(2), 968–1001. <https://doi.org/10.1177/00491241211067508>
- Yaasin, *terjemahan, tahlil dan doa*. (2008). Syarikat Jaffar Rawas Sdn. Bhd.
- Yasin, *tahlil dan doa*. (t.t.). PTS Edar Sdn. Bhd.